

|            |   |             |                     |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline   | Haron Din senada pandangan Hadi isu Najib kekal jawatan |             |                     |
| MediaTitle | Berita Harian   |             |                     |
| Date       | 14 May 2015   | Color       | Black/white         |
| Section    | Nasional  | Circulation | 314,000             |
| Page No    | 8   | Readership  | 942,000             |
| Language   | Malay   | ArticleSize | 177 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A   | AdValue     | RM 3,213            |
| Frequency  | Daily   | PR Value    | RM 9,640            |



## Haron Din senada pandangan Hadi isu Najib kekal jawatan

**Kuala Lumpur:** Mursyidul Am PAS, Datuk Dr Haron Din dan PAS Kelantan se-nada dengan presiden parti itu, Datuk Seri Hadi Awang yang mahu Datuk Seri Najib Razak kekal menjadi Perdana Menteri berdasarkan mandat yang diterima daripada rakyat melalui pilihan raya.

Haron berkata, Najib seorang yang berjiwa besar dan perlu diberi peluang untuk memperbetulkan keadaan seperti yang sudah diikrarkannya, kerana tiada siapa di dunia ini yang sempurna.

"Berilah peluang kepada Najib perbetulkan apa yang perlu," katanya kepada BH di sini, semalam.

Kelmarin, Hadi dan Timbalannya, Mohamad Sabu menyatakan Najib tidak perlu berundur, sebaliknya terus mengekalkan jawatannya sebagai Perdana Menteri, walaupun berdepan pelbagai tekanan terutama mengenai isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan Lembaga Tabung Haji (TH).

Haron berkata, semua-nya terpulang kepada UM-

NO dan Barisan Nasional (BN) sama ada mahu mendang serius pandangan luar mengenai keti itu, Datuk Seri Hadi Awang yang mahu Datuk

Seri Najib Razak kekal menjadi Perdana Menteri berdasarkan mandat yang diterima daripada rakyat melalui pilihan raya.

Ditanya pandangannya mengenai kes yang dikaitkan dengan Najib termasuk 1MDB, katanya, beliau menunggu hasil siasatan yang dikaitkan dengan syarikat berkenaan dan mahu melihat sama ada kes itu benar-benar berlaku, sekadar spekulasi atau persepsi semata-mata.

**Kena bertanggungjawab**  
"Dalam kes 1MDB ini, jika betul ada salah guna, orang yang bersalah kena bertanggungjawab. Jika

betul Najib melakukan kesilapan dan kecuaian dalam membuat keputusan... beliau kena bertanggungjawab.

"Selagi belum ada bukti, saya mahu bersikap tunggu dan lihat. Namun, jika terbukti apa yang berlaku dalam 1MDB kerana kesilapan Najib sendiri maka

tinggi untuk itu," katanya. Haron juga menyifatkan desakan Tun Dr Mahathir Mohamad supaya Najib berundur sebagai pendapat peribadi.

Katanya, dalam keadaan sekarang nampaknya pandangan majoriti memang memihak kepada Najib kerana mereka sudah memilih beliau dan partinya.

"Pada zaman Dr Mahathir 'memerintah' memang ada pandangan peribadi yang dijadikan pandangan majoriti dan ia diterima. Mungkin sikap itu terbawa-bawa sehingga sekarang sedangkan kini pandangan majoriti tidak boleh dipaksa terima pandangan peribadi. Ia tidak lagi wajar dan relevan," katanya.

Di Kota Bahru, Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah, PAS Kelantan mahu Najib mengekalkan jawatan sebagai Perdana Menteri, meskipun dilanda pelbagai tekanan.

Katanya, pihaknya ber-setuju dengan kenyataan Hadi yang mahu Najib megekalkan jawatan itu.